

# UMS anjur persidangan a-bangsa perubatan l-bandar pada 22 Nov

*NST 15/11/2011 6*

KOTA KINABALU: Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan persidangan tahunan antarabangsa mengenai Perubatan Luar Bandar (ICORM) di sini selama tiga hari mulai 22 November.

UMS dalam satu kenyataan kelmarin berkata persidangan ketiga itu dianjurkan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Asia-Pacific Academic Consortium for Public Health (APACPH), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Unit Penyelidikan Perubatan Desa (RMRU) dan Persatuan Perubatan

Desa Sabah (PERDESA).

Persidangan bertemakan 'Transformasi Kesihatan dalam Ekonomi Mencabar' akan membincangkan isu-isu kesihatan khususnya dalam bidang penjagaan kesihatan luar bandar dan pendidikan.

Pengerusi jawatankuasa penganjur ICORM Prof Madya Dr Shamsul Bahari Samsudin berkata pakar-pakar terkemuka antarabangsa dan tempatan telah dijemput iaitu dari Kanada, India, Myanmar, Korea, Filipina dan Indonesia. -Bernama